

Menggigil angkat bayi dalam semak

Seorang suri rumah terkejut dengar tangisan bayi dari belakang sebuah rumah kosong pada awal pagi

■ NOOR'AINON'MOHAMED YUSOF

TAMBUN – “Menggigil tangan saya angkat bayi yang masih melekat bersama urinya dalam keadaan sejuk tanpa sebarang pakaian,” kata seorang suri rumah, Nur Amira Zulkifli, 21, yang menemui bayi lelaki malang itu di Taman Perpaduan di sini, awal pagi kelmarin.

Menurutnya, dia menemui bayi berkenaan dalam keadaan tertiarap dengan uri membengkak dan badan hampir biru akibat kesejukan kerana lama berada di kawasan semak di rumah kosong bersebelahan dengan rumah ibunya itu.

“Saya mula dengar suara halus itu kira-kira pukul 11 malam dan menyangka ia bunyi kucing.

“Tapi, kira-kira pukul 1 pagi, suami (Muhammad Iskandar Johari, 21) pula rasa lapar dan minta saya masak sesuatu.

“Masa berada di dapur, saya dengar tangisan makin kuat. Semua ahli keluarga bangun dan cari arah suara berkenaan dan menemui bayi itu di kawasan semak bahagian belakang rumah jiran yang telah kosong,” katanya.

Nur Amira berkata, dia sayu melihat muka bayi penuh dengan tanah, bagaimanapun bersyukur bayi berkenaan masih bernyawa ketika ditemui.

“Suami terus bersihkan-nya sebelum dibawa ke Balai Polis Tambun untuk membuat laporan.

“Sepanjang dalam dakapan saya, bayi ini baik, tidak me-



Bayi lelaki berkenaan dibersihkan sebelum dibawa ke Balai Polis Tambun dan kini dalam pemerhatian HRPB.

nangis langsung. Cumanya dia menangis mungkin sebab kelaparan, kami bagi air masak dengan menggunakan hujung tuala,” katanya.

Katanya, bayi berkenaan kini dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB).

“Kami semua sayang bayi itu walaupun sekejap saja da-

pat mendakapnya.

“Hasrat hati, nak lihat bayi berkenaan sebelum pulang ke Kuantan sebab suami bertugas di sana, tetapi pihak hospital tidak benarkan. Sedih juga hingga menangis sebab nak lihat dia,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten



Kawasan semak di belakang sebuah rumah kosong di Taman Perpaduan di mana bayi berkenaan ditemui.

Komisioner Sum Chang Keong mengesahkan menerima laporan itu. Siasatan

dijalankan mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001,” katanya.